

hub multimedia di Cyberjaya. Disamping itu, syarikat tersebut juga telah menyediakan perancangan kempen publisiti penyiaran DTTB dengan usaha sama pihak penyiar dan Jawatankuasa Pemandu kerajaan.

Jadual pelaksanaan perkhidmatan DTTB dibahagikan kepada 2 fasa. Fasa 1 merangkumi penyediaan liputan siaran DTTB ke 85% kawasan berpenduduk dan disasarkan siap pada suku kedua sehingga suku ketiga 2015. Manakala Fasa 2 melibatkan penyediaan liputan siaran ke 98% kawasan berpenduduk dan disasarkan siap pada suku keempat 2016.

Pelancaran perkhidmatan DTTB dijadualkan pada suku kedua 2015 dan akan bermula di kawasan-kawasan Kelantan, Terengganu dan Pahang. Ini diikuti dengan kawasan-kawasan di Sabah dan Sarawak, kawasan utara dan selatan dan terakhir sekali di Lembah Kelang dan Selangor.